

Maybank x MDEC Mobile Legends: Bang Bang Junior Cup (MLBB) Lucky Draw 2024

Terms & Conditions

Maybank x MDEC MLBB Lucky Draw 2024 (“Event”) is organized by Malayan Banking Berhad (196001000142 (3813-K) (referred as “Maybank”).

1. Eligibility

1.1 Participants required to fill up a form via QRCode to participate in the lucky draw.

1.2 Each event day has a different form. Thus if participants want to participate in the lucky draw, they need to scan the specific QRCode of the event day.

1.3 Any incomplete form will be excluded from the lucky draw.

2. Event period

2.1 The Event period is from 13 September 2024 until 15 September 2024, both dates inclusive (“Event Period”).

3. Prizes and distribution

3.1 Prize as per table below:

Date	Prize*	Number of winner
13 September 2024	RM21 worth of Mobile Legends: Bang Bang diamonds	45
	RM 349 worth of TT Racing Gaming Chair	1
14 September 2024	RM21 worth Mobile Legends: Bang Bang diamonds	45
	RM 349 worth of TT Racing Gaming Chair	1
15 September 2024	RM21 worth Mobile Legends: Bang Bang diamonds	45
	RM 349 worth of TT Racing Gaming Chair	2

Remarks: Amount of diamonds is different based on the company that sells Mobile Legends: Bang Bang diamonds. It is subject to Maybank to decide which company to purchase the diamonds from.

3.2 Winner will be selected via a randomizer handled by Maybank and appointed event management.

3.3 Winner will be announced on the same day.

3.4 Each winner can only win once and will be excluded for the next prize.

3.5 For Mobile Legends: Bang Bang diamonds, it will be credited into the winner's MLBB account within 15 days after the event date.

3.6 Winner is responsible to provide the correct MLBB account information for prize crediting. Failure to do so, Maybank is not responsible once the prize is credited to the wrong MLBB account.

3.7 For TT Racing Gaming Chair, the winner is required to collect at the nearest branch within 60 days after the event date. Failure to do so, the winner will be automatically disqualified.

3.8 Maybank is not responsible for any loss or damage of Prizes after they are handed over to winners.

General Terms & Conditions

1. Maybank shall not be responsible or held liable in respect of technical failures of any kind whatsoever, intervention, interruptions, and/or electronic or human errors in the administration and/or processing of the transaction performed via the MAE app, M2U app, Maybank2u Biz, Maybank2u, or Maybank2e provided the same is not caused by Maybank.
2. Maybank reserves the right to withdraw, cancel, suspend, extend or terminate this Event earlier in whole or in part and reserves the right to modify any of the terms and conditions contained herein, from time to time by giving at least minimum of twenty one (21) days ("day" shall have the same meaning as calendar day) prior notice thereof, the notice of which shall be posted through Maybank2u website at www.maybank2u.com.my or through any other channel determined appropriate by Maybank. It shall be the responsibility of the Eligible Customers to be informed of or otherwise seek out any such notice validly posted.
3. By participating in this Event, Eligible Customers agree to access the Maybank2u website at www.maybank2u.com.my on a regular basis to view the terms and conditions herein and seek clarification from Maybank should any of the Terms & Conditions be not fully understood.
4. By participating in this Event, Eligible Customers agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by Maybank in accordance with the Maybank Privacy Statement, which may be viewed on www.maybank2u.com.my ("Maybank's Privacy Statement") and the PDPA Form for Individual Customers. In addition and without prejudice to the terms in the Maybank's Privacy Statement and the PDPA Form for Individual Customers.

In addition, and without prejudice to the terms in the Maybank's Privacy Statement and the PDPA Form for Individual Customers, Eligible Customers agree and consent to his/her personal data or information being collected, processed and used by Maybank for:

- i) the purposes of this Event; and
- ii) marketing and promotional activities conducted by Maybank, including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet. Marketing and promotion activities include without limitation the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well responses and related photographs. In this regard, Eligible Customers agree to co-operate and participate in all advertising and publicity activities of Maybank in relation to this Event.

*Note: "PDPA" refers to Personal Data Protection Act (2010).

5. Maybank and its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Maybank for the purposes of this Event) shall not be liable to Eligible Customers in this Event for any direct, indirect, special or consequential loss or damage (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) arising from or in connection with this Event unless caused by any gross negligence or omission by Maybank.
6. Maybank shall not be liable for any default of its obligation under this Event due to any force majeure events which include but not limited to acts of God, civil commotion, acts of war, strike, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, epidemic and pandemic or any events and circumstances of whatever nature beyond the reasonable control of Maybank.
7. Maybank may disqualify/reject any Eligible Customer who does not comply with the terms and conditions stated herein and/or are found or suspected to be tampering with this Event and/or its process or the operations of this Event which includes fraudulent activities involving any act of deceit and/or deception and/or cheating with regards to this Event.
8. These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
9. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia versions of the Terms and Conditions, the English version will prevail.

For information, enquiries, feedback and/or complaints related to this Event, please contact Maybank's Customer Care hotline at 1 300 88 6688 or +603 7844 3696. Alternatively, for feedback and/or complaints, Eligible Customers may choose to e-mail Maybank via the feedback form at Maybank2u website (www.maybank2u.com.my).

Maybank x MDEC Mobile Legends: Bang Bang Junior Cup (MLBB) Lucky Draw 2024**Terma & Syarat**

Maybank x MDEC MLBB Lucky Draw 2024 ("Acara") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142 (3813-K) (dirujuk sebagai "Maybank").

1. Kelayakan

- 1.1 Peserta perlu mengisi borang melalui QRCode untuk menyertai cabutan bertuah.
- 1.2 Setiap hari acara mempunyai borang yang berbeza. Oleh itu, jika peserta ingin menyertai cabutan bertuah, mereka perlu mengimbas QRCode khusus untuk hari acara tersebut.
- 1.3 Sebarang borang yang tidak lengkap akan dikecualikan daripada cabutan bertuah.

2. Tempoh Acara

- 2.1 Tempoh Acara adalah dari 13 September 2024 hingga 15 September 2024, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Acara").

3. Hadiah dan Pendedaran

- 3.1 Info hadiah seperti berikut

Tarikh	Hadiah*	Jumlah pemenang
13 September 2024	"Mobile Legends: Bang Bang diamonds" bernilai RM21	45
	"TT Racing Gaming Chair" bernilai RM 349	1
14 September 2024	"Mobile Legends: Bang Bang diamonds" bernilai RM21	45
	"TT Racing Gaming Chair" bernilai RM 349	1
15 September 2024	"Mobile Legends: Bang Bang diamonds" bernilai RM21	45
	"TT Racing Gaming Chair" bernilai RM 349	2

Catatan: Jumlah "diamond" adalah berbeza dan bergantung kepada syarikat yang menjual diamond Mobile Legends: Bang Bang. Maybank berhak untuk menentukan syarikat mana yang akan digunakan

3.2 Pemenang akan dipilih melalui pengacakan yang dikendalikan oleh Maybank dan pengurusan acara yang dilantik.

3.3 Pemenang akan diumumkan pada hari yang sama.

3.4 Setiap pemenang hanya boleh menang sekali dan akan dikecualikan daripada hadiah seterusnya.

3.5 Untuk “diamond Mobile Legends: Bang Bang”, ia akan dikreditkan ke dalam akaun MLBB pemenang dalam tempoh 15 hari bekerja selepas tarikh acara.

3.6 Pemenang bertanggungjawab untuk memberikan maklumat akaun MLBB yang betul untuk pengkreditan hadiah. Jika gagal, Maybank tidak bertanggungjawab jika hadiah dikreditkan ke akaun MLBB yang salah.

3.7 Untuk “TT Racing Gaming Chair”, pemenang perlu mengambilnya di cawangan terdekat dalam tempoh 60 hari bekerja selepas tarikh acara. Jika gagal, pemenang akan dibatalkan kelayakan secara automatik.

3.8 Maybank tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan hadiah selepas ia diserahkan kepada pemenang.

Terma & Syarat Am

1. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, atau Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
2. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Acara ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari (“hari” membawa makna sama dengan hari kalendar), di mana notis berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
3. Dengan menyertai Acara ini, Pelanggan yang layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
4. Dengan menyertai Acara ini, Pelanggan yang layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di www.maybank2u.com.my (“Penyata Privasi Kumpulan Maybank”) dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Acara ini; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan yang layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Maybank yang berkaitan dengan Acara ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5. Maybank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Acara ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Acara ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Maybank.
- 6. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian apa jua sifat sekalipun yang ditanggung oleh Pelanggan yang layak yang berkenaan dengan penyertaan dalam Acara ini. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Acara ini disebabkan oleh kejadian sifat 'force majeure', termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan bencana alam, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- 7. Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana mana Pelanggan yang layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Acara ini dan/atau proses atau operasi Acara ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Acara ini.
- 8. Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 9. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Acara ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan yang layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my).